



PENDEKATAN PENGURUSAN KEMAHIRAN PENDAKWAH PROFESIONAL DALAM DAKWAH KEPADA MASYARAKAT AWAM

Ibtisam Ibrahim & Berhanundin Abdullah*
ibtisam.ibtasim@gmail.com

¹ Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu, Malaysia

ABSTRAK

Pendakwah dan cara penyampaian mesej dalam konteks ilmu dakwah adalah dua indikator penting yang sesuai dikaitkan dengan aspek pengurusan dakwah. Pengurusan dakwah yang fokusnya terletak pada aspek kemahiran pendakwah sekali gus terkait hubungannya dalam aspek penyampaian pastinya menjadi faktor penentu kejayaan bagi seseorang pendakwah. Bagaimanapun, pengurusan dakwah juga akan terlihat sebagai suatu hal yang rumit bagi seseorang pendakwah ketika mereka tidak meletakkan diri mereka sebagai seorang yang profesional dalam perihal kerja-kerja dakwah. Oleh yang demikian, hala tuju artikel ini adalah untuk mengkaji teori-teori sesuai bagi pendakwah masa kini supaya dapat dimantapkan lagi kemahiran dan teknik pengurusannya dalam berdakwah. Lebih-lebih lagi dalam dua aspek utama pengurusan iaitu pengurusan kepimpinan dan komunikasi. Maka, kajian ini telah menggariskan dua objektif, pertama menganalisis teori kemahiran pendakwah dalam ilmu dakwah. Kedua, mengkaji teori kemahiran pendakwah dan merekomendasikannya sebagai alternatif persiapan dakwah untuk dipraktikkan sesuai dengan keadaan semasa masyarakat. Setiap daripada objektif tersebut akan dicapai dan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Dapatan kajian mendapati pendakwah perlu mengambil kira empat elemen pengurusan utama iaitu daripada aspek kepimpinan, komunikasi, ilmu pengetahuan dan aplikasi pendekatan sebagai persiapan kepada pendakwah untuk memantapkan lagi kemahiran pendakwah secara profesional. Selain itu, ia bertujuan untuk menarik minat sasaran menerima dakwah secara terbuka. Oleh itu, satu pendekatan pengurusan dakwah khusus perlu diberi pendedahan kepada para pendakwah agar terpandu cara dan pengurusannya serta diaplikasikan dalam konteks yang lebih profesional.

1. PENGENALAN

Gerak kerja dakwah atau pengurusan dakwah adalah suatu proses pekerjaan yang tidak boleh dipandang ringan oleh sesetengah pihak atau individu. Perlu diakui bahawa antara faktor kelangsungan hidup masyarakat harmoni juga adalah hasil daripada peranan dan usaha sesetengah organisasi ataupun individu pendakwah yang telah menyemai semangat dakwah Islam agar dapat dihayati dalam kehidupan masyarakat seluruhnya. Oleh itu, terlebih dahulu dijelaskan secara ringkas bagaimana peranan dan

tanggungjawab seorang pendakwah itu dikaitkan dengan aspek pengurusannya dalam gerak kerja dakwah.

Konsep Pendakwah

Pendakwah dalam konteks ilmu dakwah merupakan insan yang berperanan besar untuk menyebarkan ajaran Islam kepada masyarakat ('Abd al-Karim al-Zaydan, 2002). Secara asasnya, peranan pendakwah ini sebenarnya termasuk dalam penulisan tanggungjawabnya kepada Allah SWT (Abu Maswah Nasih, 2009; Nik Siti Khadijah Nik Salleh, 2015) yang mana telah selari konsep tanggungjawab *'ibad Allah* (hamba Allah) itu dengan tujuan penciptaan insan yang hanya untuk beribadah kepada Allah SWT semata-mata (Burhanuddin Yusuf, 2016).

Perkara ini turut dijelaskan dalam satu penjelasan yang dikemukakan Zulkefli Aini dan S. Salahudin Suyurno (2014) bahawa tanggungjawab insan dan ruang lingkup tanggungjawab seorang pendakwah adalah dua perkara yang sering dikaitkan kerana ia menyentuh aspek bagaimana perihal pendakwah yang mengamalkan ajaran Islam dan bagaimana mereka mengambil peranan tersebut untuk mengajarkannya kepada masyarakat sesuai dengan kaedah pendekatan dakwah yang ditetapkan dalam konteks ilmu dakwah. Penjelasan ini sangat penting untuk difahami kerana bagi Mustafa Masyhur (2007) & Abdullah Nasih 'Ulwan (1988), terlihat satu sisi pendakwah itu adalah insan yang baik, insan contoh yang wajar diikuti setiap penyampaian mesejnya dan dicontohi akhlak atau peribadinya oleh mana-mana sasaran dakwah yang mengikuti perkembangan dakwahnya. Malah, peranan yang digalas mereka itu juga adalah satu-satunya peranan yang menuntut mereka untuk meneruskan perjuangan Rasulullah SAW dalam menyeru kebaikan (Siti Rugayah Tibek, 2011).

Walaupun bagaimanapun, konsep pendakwah yang dinyatakan diatas tidak akan menggambarkan posisi pendakwah yang profesional sekiranya terdapat kelemahan dan kesukaran yang dialami oleh pendakwah terutamanya dalam hal-hal berkaitan pengurusan dakwah.

Permasalahan Kajian

Kelemahan-kelemahan dalam aspek pengurusan dapat dijelaskan dengan memetik pandangan daripada Nur A'thiroh Masyaa'il Abdullah@Tan Ai Pao dan Zulaikha Farhana Zainal Abidin (2015) dalam kajiannya menyatakan, antara faktor kelesuan gerak kerja dakwah masa kini adalah berpunca daripada aspek kepimpinan yang dapat dilihat daripada gagalnya seorang pendakwah menonjolkan sikap yang baik ketika berdakwah. Malah Hussein Yee (2016) menyifatkan akibat daripada kelemahan yang timbul ini menyebabkan impak penerimaan mesej yang disampaikan pastinya kurang mendapat sambutan daripada masyarakat awam.

Begitu juga kelemahan dalam aspek komunikasi para pendakwah. Oleh kerana pendakwah juga merupakan salah seorang komunikator aktif, kebarangkalian pendakwah akan menghadapi satu keadaan yang di dalam penyampaian mesejnya bersifat *judgement* (pemutusan). Perkara ini amat penting untuk diingatkan kerana berbalik pada fitrah dan kemampuan manusia yang mampu bercakap membuatkan ramai perucap semakin lantang bersuara (Abdul Ghani Shamsuddin, 2007). Dixon, Peter (1997), turut mengulas bahawa perbahasan bersifat *judgement* ini sememangnya tidak dapat dielakkan kerana ianya lebih terarah kepada penerimaan negatif daripada pendengarnya ketika seorang perucap melontarkan kata. Justeru, untuk menjaga penerimaan baik sasaran dakwah, ilmu dan kesenian dalam aspek pemujukan khususnya perlulah dijadikan asas komunikasi kepada pendakwah untuk menyentuh hati dan membuka pemikiran mad'u (sasaran) (Ab. Aziz Mohd Zin & Yusmini Yusoff, 1991).

Selain itu, perlu juga diambil kira dalam aspek ilmu pengetahuan, kerana ilmu pengetahuan adalah satu-satunya elemen yang mampu memperkasakan diri, lebih-lebih lagi kepada seorang pendakwah. Malah bagi al-Bayanuni (2001), ilmu dan karakter seorang pendakwah adalah dua perkara yang tidak boleh dipisahkan kerana ilmu itu sendiri telah digariskan sebagai aset dan sifat yang perlu dimiliki oleh seorang pendakwah untuk dijadikan bekalan kepada mereka. Namun, nilai ilmu pengetahuan ini akan menjadi faktor kelemahan sekiranya pendakwah tidak melakukan kajian mendalam terhadap isi kandungan dakwahnya dan menyebabkan berlaku kecacatan dalam aspek penyampaian dakwah (Mustafa Masyhur, 2010). Malah, keadaan

sedemikian akan mengakibatkan timbulnya perasaan tidak yakin ketika berucap malah akan timbul keraguan dan mengganggu psikologi sasaran yang mendengarnya (Arifin, 1977).

Begitu juga keadaannya dengan aspek pemilihan pendekatan dakwah. Pendekatan dakwah atau disebut sebagai ilmu metodologi mempunyai kedudukan penting dalam dakwah kerana Zain al-Rikabi (1979) menyatakan syarat untuk menyampaikan dakwah mestilah dengan cara yang terang dan jelas. Namun, antara kelemahan dalam dakwah hari ini, masih banyak permasalahan masyarakat yang tidak dapat diatasi oleh pendakwah walaupun telah ramai pendakwah yang melibatkan diri dalam gerak kerja dakwah (Zulkiple Abd. Ghani, 2003). Salah satu puncanya adalah daripada segi pemilihan pendekatan yang tidak terancang dan menyebabkan impak penyampaian dakwah kurang berkesan dalam masyarakat (Abdullah Hassan, 2001). Tidak merancang, menyusun dan memimpin urusan pendekatan dakwah juga boleh dikatakan sempit dalam mengurus kerja-kerja dakwah (Rozhan Othman, 1990). Oleh sebab itu, memilih cara pendekatan atau disebut dengan pemilihan metodologi dakwah yang sesuai dengan latar belakang sasaran juga memerlukan kepada ilmu dan penelitian khusus agar tidak menampakkan kelemahan yang berlaku dalam proses penyampaian dakwah masyarakat (Burhanuddin Jalal, Amnah Saayah Ismail & Sauti Ab Ghani, 2018).

Merujuk kepada kelemahan yang dikemukakan, satu pendekatan baharu yang lebih pro aktif kepada pendakwah adalah amat diperlukan supaya setiap daripada kelemahan yang timbul dapat diperbaiki dan dimantapkan lagi agar terserlah autoriti dan profesionalnya seseorang pendakwah.

2. METODOLOGI KAJIAN

Bagi mencapai setiap objektif yang ditetapkan, kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen untuk mendapatkan pengertian atau sesuatu konsep berkenaan teori pengurusan dan kemahiran pendakwah menerusi karya klasik dan kontemporari. Seterusnya, hasil daripada pengumpulan data tersebut akan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Rohana Yusof (2004) dan Krippendorff (2004), menyatakan analisis kandungan merupakan satu teknik penyelidikan dengan membuat kesimpulan secara sistematik dan objektif melalui data berbentuk dokumen. Manakala Othman Lebar (2009) mendefinisikan analisis kandungan sebagai satu penjelasan yang meneliti

secara sistematik tentang sesuatu kandungan tersurat berbentuk teks. Perkara ini bertepatan dengan data-data yang dikumpulkan daripada dokumen tertentu yang mana melibatkan karya-karya penting sesuai kehendak dalam konteks kajian ini.

3. DAPATAN DAN CADANGAN

Pendekatan pengurusan merupakan satu proses penting untuk memahirkan lagi kebolehan seorang pendakwah dalam menyampaikan dakwah agar lebih berkesan. Bagi Mohd Yusof Hussain (2009), terdapat lima elemen yang telah digariskan untuk memantapkan lagi kredibiliti pendakwah. Lima elemen yang dimaksudkan ialah merujuk pada keyakinan, pengetahuan ilmu agama, amal kebaikan, akhlak dan kebolehan komunikasi seseorang pendakwah. Kelima-lima elemen yang dinyatakan ini sebenarnya adalah sumber kualiti yang perlu dipegangi oleh pendakwah agar tujuan dan matlamat dakwahnya dapat dicapai mengikut kadar kemampuan seseorang pendakwah. Begitu juga dengan elemen yang dicadangkan dalam kajian ini. Dalam memahirkan seorang pendakwah, terdapat empat elemen pengurusan yang dicadangkan untuk menjadi suatu pendekatan pengurusan kemahiran pendakwah iaitu terdiri daripada pengurusan kepimpinan, pengurusan komunikasi, pengurusan ilmu pengetahuan dan pengurusan aplikasi pendekatan dakwah. Keempat-empat elemen ini dikemukakan kerana selari dengan matlamat pembentukan pendakwah yang telah diutarakan Fathi Yakan (2010) dan 'Ali 'Abd al-Halim (1993). Terdapat tiga tahap pembentukan pendakwah yang menjadi teras dalam perbincangan *fiqh marahil al-da'wah*, pertama *Marhalah al-Ta'rif* (Tahap Pengenalan), kedua, *Marhalah al-Takwin* (Tahap Pembentukan) dan ketiga *Marhalah al-Tanfidih* (Tahap Pelaksanaan). Secara umum, ketiga-tiga tahap yang dibincangkan ini mempunyai hubungannya dengan aspek dakwah, pendakwah dan sasaran dakwah. Oleh sebab itu, ketiga-tiga tahap ini dijadikan sandaran utama bagi mengukuhkan lagi empat elemen pengurusan yang dinyatakan semata-mata untuk memahirkan lagi diri pendakwah agar lebih profesional dalam gerak kerja dakwah.

Berikut adalah pengertian ringkas tentang ketiga-tiga *marhalah* dan *marhalah al-Ta'rif* adalah tahap pertama yang dibincangkan daripada ketiga-tiga tahap ini. *Marhalah* ini merupakan tahap yang paling umum pembentukannya kerana prosesnya lebih kepada membangunkan kesedaran, memberi bimbingan kepada masyarakat tentang asas dan

prinsip Islam untuk disingkap serta diamalkan dalam kehidupan seharian (Fathi Yakan, 2010).

Marhalah yang kedua adalah *marhalah al-takwin*. Pada tahap ini, fokus pembentukan pendakwah adalah lebih mendalam berbanding *marhalah at-ta'rif*. Aspek pembentukan yang diterapkan dalam tahap ini adalah lebih kepada persediaan pendakwah untuk lebih komited dengan tanggungjawab serta berpegang teguh pada janji dan tuntutan kerja-kerja dakwah ('Ali 'Abd al-Halim, 1993).

Marhalah al-tanfidh pula adalah hasil daripada kelangsungan daripada *marhalah al-ta'rif* dan *marhalah al-takwin*. Proses pada tahap ini lebih kepada menguji fizikal mental pendakwah yang mana cabarannya adalah mesti berada di lapangan dakwah. Mereka yang berada dalam tahap ini juga akan diuji tahap kemampuannya untuk menganalisis ilmu dalam pelbagai sudut serta berkebolehan melaksanakan tugas yang bersifat '*amal Islami*'. Pada tahap ini juga cuba membuktikan bahawa Islam adalah agama yang praktikal, maknanya setiap apa yang difahami tidak boleh sekadar memahami semata-mata, malah ia perlu diamalkan sesuai kadar kemampuan manusia ('Ali 'Abd al-Halim, 1993).

MEMANTAPKAN PENGURUSAN KEPIMPINAN, KOMUNIKASI, ILMU PENGETAHUAN DAN APLIKASI PENDEKATAN DAKWAH MELALUI MARHALAH AL-TAKWIN

Sebagaimana dalam perbincangan sebelum ini, kemahiran pendakwah profesional merupakan suatu aspek yang berkait rapat dengan pengurusan dakwah. Sealiran pandangan Roslan Mohamad (2003) yang mengaitkan pengurusan Islam itu sebagai pengurusan dakwah kerana terdapat keselarian antara maksud dan konsep dalam kedua-dua pengurusan tersebut. Perkara ini amat penting ditekankan dalam diri pendakwah dan pengurusan kerana Tomi Hendra (2018) menyatakan bidang tugas seseorang akan lebih profesional apabila lahir semangat kesetiaan dan cintanya terhadap pekerjaan yang diamanahkan. Apabila dua perkara ini diwujudkan dalam sesuatu pekerjaan maka proses dan hasil pelaksanaan turut memberi kesan terhadap hasil kerja, pada dirinya dan juga masyarakat.

Oleh sebab itu, dalam memantapkan keseluruhan aspek pengurusan yang terdiri daripada kepimpinan, komunikasi, ilmu pengetahuan dan aplikasi pendekatan dakwah, konsep *marhalah al-takwin* ini adalah satu-satunya tahap yang dilihat sesuai dicadangkan untuk kajian ini berbanding dengan *marhalah al-Ta'rif* dan *marhalah al-Tanfidh*. Kesesuaian itu dilihat sesuai kerana terdapat indikator pembentukan keperibadian individu Muslim ('Ali 'Abd al-Halim, 1993) yang mana ianya selari dengan matlamat kemahiran pendakwah yang ingin dicapai dalam kajian ini. Indikator-indikator tersebut akan dijelaskan dalam perbincangan seterusnya.

Terdapat empat indikator penting yang mesti dilakukan pendakwah untuk memahirkan diri mereka, iaitu;

a) Memperdalam ruang lingkup pemikiran dengan fahaman agama Islam yang menyeluruh,

Indikator ini sesuai diterapkan dalam elemen pengurusan ilmu pengetahuan dan komunikasi kerana terdapat beberapa aspek di dalamnya yang mengikat pendakwah untuk mencari sumber-sumber ilmu yang menjadi keutamaan untuk dipersiapkan sebelum berdakwah. Pertama, mahir dalam ilmu al-Quran, mahir dalam sunnah dan sirah Rasulullah SAW. Kedua, menghidupkan amalan banyak membaca dan menganalisis kaedah-kaedah penetapan hukum. Ketiga, mempelajari dan menekuni sejarah dalam Islam.

Aspek ilmu ini turut ditegaskan 'Abd al-Karim Zaydan (2009) yang mana hanya dengan ilmu pengetahuan sahajalah yang dapat membezakan seseorang individu itu bertanggungjawab dengan peranannya sebagai pendakwah. Ini kerana tanggungjawab insan berilmu itu lebih besar apabila Allah SWT telah mengamanahkan ke atas setiap hambaNya untuk memakmurkan bumi dengan peraturan-peraturan yang telah ditetapkanNya (Nurul Hanis Nadhirah Muhammad & Syed Hadzrullathfi Syed Omar, 2017).

Maka dalam indikator ini, mempersiapkan dan memahirkan diri dengan ilmu asas al-Quran al-Sunah, menghayati sirah perjalanan Nabi Muhammad SAW dan rasul-rasul terdahulu serta membuat kajian mendalam terhadap isu-isu berkaitan masyarakat,

tentunya akan membentuk satu pengurusan yang baik dari segi persediaan ilmu pendakwah. Malah perkara ini juga akan memudahkan pendakwah agar lebih yakin untuk berkomunikasi di khalayak. Ini kerana, menurut Mohd Ali Aziz (2015), apabila seorang itu sudah lengkap dari segi bahan dan analisis bacaan, maka mereka tidak akan merasa takut untuk berkongsi pengisian di depan khalayak umum. Maka indikator ini sesuai dicadangkan kepada pendakwah untuk memahirkan diri mereka khususnya dalam pengurusan ilmu pengetahuan dan pengurusan komunikasi.

b) Memperluas aspek praktikal (amal) dalam agama, Indikator ini tujuannya adalah membentuk pendakwah untuk menjadi contoh yang baik kepada masyarakat dengan cara melatih diri mempraktikkan sesuatu terlebih dahulu sebelum disumbangkan kepada masyarakat. Sebagai contoh, menghiasi peribadi dengan mencontohi teladan yang ditonjolkan oleh Rasulullah SAW ketika baginda bersama keluarga, sahabat, jiran tetangga dan seluruh kaumnya.

Dan untuk memperluas amal kebaikan itu, perlulah terlebih dahulu membina hubungan yang kuat dengan Allah SWT, kerana itu adalah asas yang paling penting bagi setiap pendakwah ('Ali 'Abd al-Halim, 1993). Selari dengan pandangan 'Abd al-Karim Zaydan (2009) yang berpendapat terdapat dua perkara utama yang perlu dipupuk dan dipasakkan dalam diri pendakwah. Pertama, menjaga hubungan dengan Allah SWT secara berterusan. Kedua, mempunyai iman yang kuat untuk menghadapi segala cabaran. Kedua-dua perkara yang dinyatakan ini akan menghasilkan satu kepuasan dalam diri pendakwah apabila hati dan jiwa terus dipupuk dengan mengerjakan solat tahajud (Nailah Zamzamy, 2018) serta amalan sunat lain yang dikira sebagai langkah membina kekuatan dalam diri.

Setiap langkah yang dinyatakan ini sebenarnya menjadi asas penting untuk membina keyakinan dalam diri terutamanya apabila berdepan dengan masyarakat (Abdul Mu'ati@Zamri Ahmad, 2019) yang memungkinan masyarakat akan mencontohi keperibadian pendakwah. Walau bagaimanapun, aspek ini juga bergantung pada kemampuan individu untuk mencapainya. Maka indikator ini sebenarnya berkait rapat dengan pengurusan kepimpinan yang bersifat memimpin diri ke arah yang lebih positif dalam membina jati diri.

c) Memperluas pengalaman dengan melibatkan diri di lapangan dakwah

Melatih diri untuk terlibat dalam pengurusan organisasi, terlibat dalam pengurusan seminar dan mengambil bahagian dalam mengendalikan persidangan adalah satu inisiatif individu yang paling positif. Daripada penglibatan ini, pendakwah akan lebih terisi dengan bermacam-macam pendedahan ilmu dan pengalaman oleh ramai orang yang sudah lama melibatkan diri dalam menyelesaikan isu dari segi sosial, politik, ekonomi, budaya, agama dalam kerangka yang lebih luas.

d) Membentuk kebolehan dalam bidang yang pelbagai

Dalam indikator ini, membentuk kemahiran dalam bidang yang pelbagai seperti mahir dalam bidang sains, teknologi, bidang gerakan dakwah, pengorganisasian, pentadbiran serta pakar dalam bidang dakwah adalah satu perkara yang akan memberi kelebihan tertentu kepada seseorang pendakwah ('Ali 'Abd al-Halim, 1993). Bermakna dari segi kelebihan yang mereka miliki itu sebenarnya menjadikan mereka lebih profesional mendepani sebarang permasalahan yang berlaku dalam masyarakat khususnya.

Ini kerana perkara tersebut berkait rapat dengan kemahiran pendakwah dalam menguruskan aplikasi pendekatan dakwah kepada sasaran. 'Abd al-Karim Zaydan (1979) turut menyatakan, mengenal pasti kesesuaian cara pendekatan dakwah itu juga sebenarnya sama konsepnya dengan mengenal pasti penyakit (masalah dalam Islam) yang dialami oleh sasaran dan bagaimanakah cara untuk merawatnya.

Maka tujuan huraian yang terdapat dalam *marhalah al-takwin* ini, salah satunya membentuk pendakwah yang hebat dan profesional dari segi bidang dan kepakarannya. Sudah semestinya indikator ini juga sesuai dijadikan aspek memahirkan pendakwah dalam pengurusan aplikasi pendekatan kerana ilmu asas metodologi ini juga akan memantapkan lagi kepakaran individu pendakwah.

4. KESIMPULAN

Berdasarkan daripada keseluruhan perbincangan sebelum ini, dapat dinyatakan di sini bahawa pengurusan dakwah merupakan satu perkara penting kepada setiap pendakwah. Tanpa pengurusan, kebarangkalian dakwah tidak dapat disempurnakan, dan dakwah hanya mungkin akan berlaku hasil dari semangat sebelah pihak sahaja, iaitu

pendakwah tanpa mengambil peduli tentang keadaan sasaran sebelum menyampaikan dakwah. Memandangkan dakwah ini konsepnya mementingkan penerimaan sasaran, maka terdapat beberapa elemen penting dalam pengurusan kemahiran pendakwah yang dilihat dapat menjaga penerimaan sasaran, iaitu melalui pengurusan kepimpinan, komunikasi, ilmu pengetahuan dan aplikasi pendekatan. Keempat-empat elemen ini dicadangkan dalam kajian ini bertujuan untuk dijadikan panduan kepada pendakwah untuk memahirkan diri mereka agar lebih profesional. Bersama-sama elemen ni, terdapat beberapa teori yang disebut oleh Ali 'Abd al-Halim dalam kitabnya *Fiqh al-Da'wah ila Allah*. Di mana di dalamnya terdapat tiga tahap pembentukan pendakwah, iaitu *marhalah al-ta'rif* (Tahap Pengenalan), kedua, *marhalah al-takwin* (Tahap Pembentukan) dan ketiga *marhalah al-tanfidh* (Tahap Pelaksanaan). Namun kajian ini menemukan lebih banyak teori persamaan dan kesesuaiannya dalam *marhalah al-takwin* kerana indikator yang dihuraikan dalam *marhalah* ini lebih sinonim untuk diimplimentasikan dalam empat elemen pengurusan kemahiran pendakwah.

RUJUKAN

Jurnal

- [1] Ab. Aziz Mohd Zin & Yusmini Yusoff. 1991. Asas-asas Teknik Kaunseling Dakwah. Jurnal Usuluddin, 14: 165-176.
- [2] Burhanuddin Jalal, Amnah Saayah Ismail & Sayuti Ab Ghani. 2018. Pendekatan Dakwah untuk Cabaran Masa Depan: Satu Sorotan. Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah, 4 (1) 23-33.
- [3] Burhanuddin Yusuf. 2016. Manusia dan Amanahnya Kajian Teologis dan Berwawasan Lingkungan. Jurnal Aqidah, 2 (2): 125-144.
- [4] Roslan Mohamad. 2003. Pengurusan Dakwah: Sorotan Mengenai Konsep. Jurnal YADIM. Bil. 5, Disember 2003.
- [5] Siti Rugayah Tibek. 2011. Profesionlisme Dakwah: Harapan dan Cabaran. Jurnal Al-hikmah, (2): 167-173.
- [6] Tomi Hendra. 2018. Profesionlisme Dakwah dalam Pemberdayaan Masyarakat dalam Jurnal At-Taghyir: Jurnal Ilmu Dakwah dan Pengembangan Masyarakat, 1 (1): 1-10.

Prosiding

- [7] Nik Siti Khadijah Nik Salleh. 2015. Pengurusan Gaya Motivasi Rasulullah dalam Pendakwah Masa Kini. Prosiding Seminar Pengurusan Islam: Ke Arah Pemantapan Ummah, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [8] Nurul Hanis Nadhirah Muhammad & Syed Hadzrullathfi Syed Omar. 2017. Peranan Sahsia dan Kerohanian bagi Mengatasi Masalah Penagihan Dadah dalam Proceeding of International Conference of Empowering Islamic Civilization. Research Institute for Islamic Product and Malay Civilization (INSPIRE), Universiti Sultan Zainal Abidin.
- [9] Zulkefli Aini & S. Salahudin Suyurno. 2014. Hubungan antara Pendakwah dengan Mad'u dalam Komunikasi Insan dalam Kertas kerja yang dibentangkan dalam Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan anjuran Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Batu Pahat, pada 9-10

April 2014 di Dewan Tunku Ismail UTHM.

Laman Sesawang

- [10] Abdul Ghani Shamsuddin. 2007. Hak Asasi Manusia dari Perspektif Islam, rujuk laman: <https://temanteras.wordpress.com/shura/hak-asasi-manusia-dari-perspektif-islam/>, (26 Mac 2019).

Tesis

- [11] Nailah Zamzamy. 2018. Teknik Persiapan Dakwah Siti Maisaroh. Tesis Peringkat Sarjana. Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya.

Buku

- [12] 'Abd al-Karim Zaydan. 2002. Usul Dakwah Islam & Dakwah. Pntrj. Solehan Ayub. Edisi Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- [13] 'Abd al-Karim Zaydan. 2009. Dasar-dasar Ilmu Da'wah. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- [14] 'Abdullah Nasih 'Ulwan. 1988. Akhlak Para Pendakwah. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- [15] Abdul Mu'ati@Zamri Ahmad. 2019. Panduan Pengucapan Awam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [16] Abdullah Hassan. 2001. Komunikasi untuk Pendakwah: Panduan Mengubah Sikap dan Tingkah Laku Orang Lain. Bentong: PTS Publications.
- [17] Abu Maswah Nasih. 2009. Pengurusan Menurut Ajaran Al-Quran. Kuala Lumpur: Penerbit Serambi Timur Sdn. Bhd.
- [18] al-Bayanuni, Muhammad Abu al-Fath. 2001. Al-Madkhal ila al-'Ilm al-Da'wah. cet.3. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- [19] 'Ali 'Abd al-Halim Mahmud. 1993. Fiqh Dakwah Ila Allah. Mansurah: Darul Wafa.
- [20] al-Rikabi, Zain al-'Abidin. 1979. Al-Nazariyyah al-Islamiyah fi al-'Ilam wa al-'Alaqaq al-Insaniyah. Riyadh.
- [21] Arifin, H. M. 1977. Psikologi Da'wah: Suatu Pengantar Studi. Jakarta: PT Bulan Bintang.
- [22] Dixon, Peter. 1991. Retorik, dalam Ismail Hamzah Nasution (pntrj.). Kuala Lumpur: DBP.
- [23] Fathi Yakan. 2010. Apa Ertinya Saya Menganut Islam. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- [24] Krippendorff, K. 2004. Content Analysis: An Introduction to Its Methodology. California: SAGE Publications Ltd.
- [25] Mohd Ali Aziz. 2015. Ilmu Pidato. Surabaya: UIN Sunan Ampel Press.
- [26] Mohd Yusof Hussain. 2009. Qualities of A Credible Da'i dalam Readings in Islamic Da'wah dalam Mohd Yusof Hussain (ed.), International Islamic University Malaysia: IIUM Press.
- [27] Mustafa Masyhur. 2007. Jalan Da'wah Antara Qiyadah dan Jundiyyah. Selangor: Dewan Pustaka Fajar.
- [28] Mustafa Masyhur. 2009. Bekalan Di Sepanjang Jalan Da'wah. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- [29] Othman Lebar. 2017. Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metode. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- [30] Rohana Yusof. 2004. Penyelidikan Sains Sosial. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors.
- [31] Rozhan Othman. 1990. Pengurusan dakwah. Shah Alam: Ummah Media.
- [32] Zulkiple Abd. Ghani. 2003. Islam, Komunikasi dan Teknologi Maklumat. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.